

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah bentuk bantuan yang telah diberikan kepada persatuan-persatuan sukan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan sehingga kini. Berapa banyakkah atlet dan pasukan yang telah menerima bantuan ini. Bagaimanakah persatuan sukan yang mempunyai tanggungan tinggi kos pengurusan dapat terus bertahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ambil maklum bahawa hampir keseluruhan sektor menerima impak ekonomi dan kewangan termasuklah dalam kalangan penggiat sukan tanah air berikutan penularan wabak COVID-19.
2. Sehubungan itu, Kementerian telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Inisiatif Prihatin Sukan 2020, yang melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM 10 juta, bagi membantu penggiat sukan negara terutamanya bagi persatuan-persatuan sukan yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS).
3. Sejak dilancarkan pada 17 Jun 2020, sebanyak 1,423 persatuan dan kelab telah menerima manfaat daripada inisiatif ini. Kementerian ini berharap inisiatif ini dapat membantu persatuan dan kelab sukan untuk terus berdaya saing menerusi inisiatif pengupayaan melalui bantuan dana menjalankan program dan aktiviti norma baharu semasa dan pasca PKPB serta inisiatif pendigitalan dan R&D persatuan-persatuan sukan. Sekian, terima kasih.